

09/04/2004

Dua jaringan Kulim benam juara bertahan

Mohd Rafi Mamat

SEKOLAH Menengah Kebangsaan (SMK) Kulim, Kedah menafikan kehebatan juara bertahan, SMK Seksyen 11, Shah Alam dengan kemenangan 2-0 pada saingan suku akhir kejohanan bola sepak bawah 15 tahun juara sekolah peringkat kebangsaan Piala MUPC (Manchester United Premier Cup) 2004 di padang Majlis Perbandaran Kuantan (MKP) Satu B, semalam.

Dua gol SMK Kulim disumbangkan penyerang lincah mereka, K Rajkumar, pada minit ke-5 dan Ahmad Azzam Essmme Ahmad Rosdi pada minit ke-43.

Sementara itu, naib juara tahun lalu, SMK Sultan Sulaiman, Terengganu yang diramal akan menjulang Piala MUPC musim ini mudah menjinakkan SMK Tengku Ampuan Durah, Negeri Sembilan 3-1 di padang MPK 1A.

Gol SMK Sultan Sulaiman dihasilkan penyerang berbisa mereka, Rosazlan Rejep (minit ke-7 dan 64) dan Mohd Muslim Ahmad (minit ke-57).

Jaringan tunggal SMK Tengku Ampuan Durah yang berusaha memberi tentangan sengit pada babak kedua disumbangkan oleh Mohd Hilmi Rosli pada minit ke-54 menerusi sepakan kencang menewaskan penjaga gol, Mohd Sharfawie Sabri.

Pada suku akhir ketiga di padang MPK 2B, SMK Guar Perahu, Pulau Pinang membelasah SMK Jalan Junid, Johor 5-0.

Gol dihasilkan Mahathir Mohamad minit ke-36, Khaizul Azri Jamal (minit ke-41), Mohamad Fitri Abu Hassan (minit ke-45), Mohd Zahisham Md Saad (minit ke-57) dan Noor Akalil Akmal Amran (minit ke-70).

Pada satu lagi suku akhir, wakil Sarawak, SMK Kanowit menang tipis 2-1 ke atas SMK Syed Alwi, Perlis. Gol dijaringkan oleh Elijah Bangau pada minit ke-47 dan Azmie Bungkong pada minit ke-55.

Jurulatih SMK Sultan Sulaiman, Azhari Salim, berkata peluang pasukannya melangkah ke perlawanan akhir lebih cerah terutama selepas musuh tradisi Selangor tewas kepada Kedah.

"Saya berpuas hati dengan persembahan bersemangat dipamerkan pemain pada perlawanan dengan SMK Tengku Ampuan Durah yang tidak kurang hebatnya terutama selepas kedudukan terikat 1-1.

"Bagaimanapun, usaha bersungguh-sungguh jentera serangan membuahkan hasil apabila dua gol berjaya dihasilkan dalam tempoh sepuluh minit babak kedua," katanya.

Jurulatih Kedah, D Vispalingam berkata kejayaan menewaskan SMK Seksyen 11 Shah Alam dianggap begitu membanggakan terutama apabila pemain dipaksa berhempas pulang sepanjang perlawanan.

"Saingan sengit hampir pasti hadir pada peringkat separuh akhir esok (hari ini) apabila kita bertemu SMK Sultan Sulaiman yang sememangnya memiliki kelebihan di atas kertas.

"Bagaimanapun, saya sudah mengarahkan kepada pemain supaya melupakan apa juga kelebihan lawan sebaliknya memberi sepenuh tumpuan kepada perlawanan seterusnya mencatat kemenangan," katanya.